

30/06/2002

CNN ambil kesempatan beri gambaran serong

Munshi

CNN dalam satu ulasan mengenai keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad meletak jawatan, Ahad lalu, menemu bual dua orang. Seorang lelaki Cina dan seorang lagi wanita India. Apa yang diperkatakan itu diharap oleh CNN, sebagai pandangan rakyat Malaysia mengenai perubahan pucuk pimpinan negara kelak.

MUNSHI: Sebagaimana biasa, media asing (CNN milik Amerika Syarikat) bermain kotor apabila cuba memberi gambaran negatif mengenai pemimpin negara. Segala-galanya disiarkan berdasarkan acuan anti-Malaysia yang diamalkannya selama ini bagi memenuhi tuntutan pemilik syarikat di New York.

Lelaki Cina itu berkata pengunduran Dr Mahathir itu adalah satu kehilangan besar bagi negara kerana kewibawaan, pencapaian dan ketrampilan beliau. Namun, wanita India itu menyuarakan perubahan sikap mendadak CNN dan banyak lagi media Amerika. Dia memberi gambaran negatif terhadap peralihan kuasa itu dengan mempersoalkan kewibawaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selama ini pun, media asing itu sentiasa menjadikan Dr Mahathir sebagai sasaran sebaik saja beliau memberi pandangan mengenai sesuatu isu apatah lagi berkaitan penindasan terhadap rakyat Palestin oleh Israel disokong Bush atau tipu muslihat Barat dan Washington mempermainkan Dunia Ketiga dalam soal ekonomi dan dasar kewangan.

Dr Mahathir dilabel antisemitik dan antibarat kerana bertegas mengutuk kekejaman Ariel Sharon dan enggan menerima pakej Dana Mata wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia. Pandangan Dr Mahathir mengenai penganalisis, keganasan dan betapa ia tidak ada kaitan dengan tuntutan Islam, mulanya dicemuh tetapi akhirnya diakui benar oleh Bush selepas dunia Arab menyokong pendirian tegas Perdana Menteri.

Kecaman terhadap Dr Mahathir sentiasa menjadi bahan berita bagi CNN, Asian Wall Street Journal, Washington Post dan New York Times. Tetapi kini apabila beliau menyatakan hasrat mahu bersara lain pula cerita dilagukan oleh media asing ini. Jelas bahawa mereka tidak pernah berpandangan baik terhadap Malaysia dan sentiasa memandang serong apa saja yang berlaku di sini. CNN kini sibuk membuat perbandingan gaya kepemimpinan Dr Mahathir dengan Pak Lah. Laporan pada malam Ahad lalu memberi gambaran seolah-olah Malaysia akan dilanda keadaan tidak menentu berbeza dengan suasana aman dan stabil di bawah Perdana Menteri.

Dulu CNN mengambil setiap peluang untuk mengecam dan memburuk-burukkan Dr Mahathir yang dituduh terlalu lama berkuasa tetapi kini ia mengecam pula pengganti beliau. Seboleh-bolehnya ia memilih pandangan negatif penganalisis yang tidak mempertikaikan kecekapan barisan pemimpin meneruskan pentadbiran cekap dan berwawasan ini. Gambaran dan slant berita CNN tetap mahu penontonnya memutuskan keadaan tidak menentu menanti Malaysia.

(END)